

**AMANAT
KETUA PENGARAH
JKKP MALAYSIA**

**SEMPENA TAHUN BARU
2020**



**JABATAN
KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**



**Ir. Omar Bin Mat Piah
Ketua Pengarah JKKP Malaysia**

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.

Dikesempatan ini, marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana di atas limpah rahmat-Nya, kita dapat menyambut tahun baru 2020 dalam suasana selamat, sihat, aman dan sentosa. Alhamdulillah kita telah diberikan peluang untuk menjalankan serta menunaikan amanah dan tanggungjawab kita bersama ke arah memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat.

Melangkah ke hadapan tahun 2020, dijangka akan lebih mencabar dengan ekspektasi tinggi yang diletakkan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh JKKP dan pengamal KKP. Kerjasama daripada semua pemegang taruh (*stakeholders*) termasuk perekabentuk (*designer*), majikan dan pekerja, amatlah diharapkan dalam meneruskan pelaksanaan OSHPM 2020 bagi mengurangkan kadar kemalangan pekerjaan dan mencegah penyakit pekerjaan. Ini sekaligus membantu usaha Kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Seperti yang kita sedia maklum, penggubalan Dasar KKP Negara (DKKPN) yang ditandatangani sendiri oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Januari 2019, merupakan antara pencapaian utama dalam landskap KKP di Malaysia. Lanjutan itu, pada tahun 2020 Kerajaan menerusi JKKP akan mengganda serta mempergiatkan penguatkuasaan dan promosi KKP bagi mencapai hasrat dan komitmen kepimpinan Negara selari dengan hasrat DKKPN. Selain itu, pemantapan KKP di sektor awam juga antara agenda penting tahun 2020, seiiring dengan komitmen Ketua Setiausaha Negara melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2019.

Pada tahun 2020, aktiviti penguatkuasaan KKP akan lebih fokus kepada sektor-sektor berisiko tinggi termasuk pembinaan, pembuatan serta pertanian yang merupakan penyumbang utama kepada kemalangan maut pekerjaan negara. Penguatkuasaan kesihatan pekerjaan juga akan diperluaskan dengan pemantapan strategi penguatkuasaan bagi isu ruang terkurung, pendedahan bising, pendedahan kepada bahan kimia dan isu ergonomik di samping pembangunan Sistem Pelaporan Bersepadu bagi Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan. Selain itu, pengukuhan perundungan KKP berimpak tinggi juga akan diteruskan dengan cadangan pewartaan *OSH in Construction Industry (Management) Regulations* dan *OSH Risk Management Regulations*.

Kerajaan menerusi JKKP amat prihatin terhadap setiap kes kemalangan pekerjaan yang berlaku di tempat kerja di negara ini termasuk yang melibatkan jentera seperti lif, esklator, kren bergerak dan kren menara. Penekanan yang sama berat juga diberikan kepada kes-kes keracunan dan penyakit pekerjaan, seperti pendedahan kepada bahan kimia dan bunyi bising yang kebiasaannya menjadi kronik dan boleh mengancam kesihatan selepas 20 hingga 30 tahun. Manakala, kemalangan bahaya besar seperti kebakaran, letupan dan pelepasan bahan toksik juga perlu sedaya upaya dicegah daripada terjadi. Insiden seperti pelepasan ammonia dan kebakaran loji kimia patut dijadikan “*wake-up call*” tentang perlunya pengurusan dan kawalan yang lebih efektif bagi menangani hazard kimia oleh semua *stakeholders*. Sehubungan itu, saya meminta kerjasama semua pihak termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pengamal KKP, majikan dan pekerja untuk berganding bahu serta bekerjasama dalam mengatur dan melaksana strategi bagi mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan.

Pada tahun 2020, dengan pelbagai inisiatif dan usaha berterusan, Jabatan menyasarkan kadar kemalangan pekerjaan akan terus dapat dikurangkan agar ianya setanding dengan negara maju. Justeru, saya memohon agar semua pihak dapat bersama-sama Jabatan melaksanakan program KKP yang berkesan dan berimpak tinggi bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif sekaligus mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan.

Akhir bicara dengan semangat tahun baru 2020, saya menyeru seluruh majikan dan pekerja terutamanya, mempertingkatkan keazaman, inovasi, kreativiti, usaha, disiplin dan integriti agar kita dapat memastikan tahap KKP Negara terus dipertingkatkan ke arah yang lebih cemerlang.

Kepada semua komuniti KKP diluar sana sama ada majikan, pekerja, pengamal KKP dan NGO, saya mengucapkan SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BAHARU 2020. Semoga kita dapat meneruskan kerjasama erat yang serius dan ikhlas ke arah mempertingkatkan tahap KKP bukan sahaja di Malaysia malahan di persada antarabangsa. *InsyaAllah*.

Sekian, terima kasih.



Ir. Hj. Omar bin Mat Piah
Ketua Pengarah,
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia

#JKKP/DOSH #Tahun2020 #Preventiveculture
#Strictenforcementzerocorruption

